

SEED OF MANKIND

SIRI I



“

“

Komitmen Membentuk Generasi Pembelajaran Islam

Pendidikan adalah proses pembelajaran yang bertujuan untuk mengembangkan potensi dan kemampuan individu dalam berbagai aspek kehidupan, baik secara intelektual, emosional, sosial, maupun fisik. Pendidikan mencakup pengajaran, pelatihan, dan pembimbingan yang membantu seseorang memperoleh pengetahuan, keterampilan, sikap, dan nilai yang diperlukan untuk hidup dalam masyarakat. Tujuan utama pendidikan adalah untuk menciptakan individu yang cerdas, berbudi pekerti, mampu berpikir kritis serta mencapai kesadaran diri dan mengembangkan potensi diri selari dengan fitrah dan nilai kerohanian manusia.

"Pendidikan Cemerlang Membina Masa Depan Gemilang"

”



كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ،
فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah. Kedua ibu bapanya lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi.

Riwayat al-Bukhari: 1385

Sebahagian golongan menyangka dan tersalah faham bahawa fitrah itu ialah agama Islam itu sendiri. Hal ini bagi mereka bermaksud, setiap anak dilahirkan itu mereka dikira telah beragama Islam sejak lahir. Kemudian, kedua ibu bapanyalah yang menukarkan agama anak mereka daripada agama Islam yang asalnya ada pada diri anak tersebut sama ada kepada agama Yahudi, Nasrani atau Majusi.





Islam merupakan ajaran dan hukum-hakam yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW. Jika dikatakan fitrah ialah agama Islam itu sendiri, maka ia bukan perkara yang sama. Selain itu, tiada nas yang menunjukkan secara jelas bahawa fitrah merupakan Islam dengan maksud ini.


Jika kita andaikan bahawa fitrah ialah Islam itu sendiri, maka tidak akan dituntut ke atas orang yang telah baligh untuk mengucap kalimah syahadah dan membenarkan kebenaran Islam kerana mereka sudah pun memeluk agama Islam. Justeru itu juga tidak akan berlaku khilaf terhadap anak golongan musyrikin sama ada mereka masuk Syurga ataupun tidak. Namun hakikat adalah sebaliknya, di mana seseorang yang telah baligh dituntut melakukan perkara tersebut untuk menjadikan mereka sebagai seorang muslim. Maka, sudah tentu sebelum itu dia masih belum dianggap sebagai muslim sehingga perlu dituntut untuk memeluk Islam. Begitu juga, berlaku khilaf terhadap status anak golongan musyrikin seperti yang berlaku dalam para sahabat RAnhum.

Terdapat hadis-hadis lain juga yang menerangkan antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam Musnad-nya:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، حَتَّى يُعْرَبَ عَنْهُ لِسَانُهُ، فَإِذَا أُعْرِبَ عَنْهُ
لِسَانُهُ، إِمَّا شَاكِرًا، وَإِمَّا كَافِرًا

Maksudnya: Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah sehingga dia mampu untuk menjelaskannya dengan lisannya. Apabila dia menjelaskannya dengan lisannya maka sama ada dia menjadi orang yang bersyukur(muslim) atau orang yang kafur.

Riwayat Ahmad: 14805





“

Berikan dunia anda yang terbaik dan yang terbaik akan datang kepada anda.

”



“

Pendidikan Awal Prasekolah

Pendidikan Prasekolah bertujuan menyediakan pengalaman pembelajaran kepada murid-murid yang berumur antara empat hingga enam tahun bagi menyuburkan potensi mereka dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah.

”



“

Pendidikan Sekolah Rendah

Pendidikan rendah merupakan peringkat pertama dalam proses pendidikan secara formal, selepas tamat peringkat prasekolah dan sebelum memasuki pendidikan menengah.

Pendidikan rendah biasanya dijalankan di sekolah rendah, sekolah kebangsaan atau sekolah pertama.

”



Program & Aktiviti Pelajar Sekolah Rendah



Peningkatan
dan Pengayaan
Kemahiran Asas.

Penemuan dan
Pemantapan
Jati Diri Murid.



Pemupukan dan Peningkatan
Penguasaan Kemahiran Asas
Membaca, Menulis, Mengira &
Berfikir.

Pemupukan dan
Pengembangan Bakat
Semula Jadi dan Potensi Diri.



Pendidikan Sekolah Menengah

Peralihan dari sekolah rendah ke menengah bukan hanya menandakan pertambahan usia tetapi persediaan murid dari segi mental dan fizikal untuk mengharungi hidup sebagai individu awal remaja.

Walaupun mungkin murid sudah bersekolah sejak usia empat tahun tetapi peralihan ke sekolah menengah lebih menuntut kematangan dan persediaan untuk belajar lebih gigih.

Bagi ibu bapa, mungkin melihat anak melangkah ke alam remaja membawa beg yang lebih besar daripada tuannya pasti memberikan rasa kesayuan. Namun bagi murid, pengalaman baharu itu mungkin lebih mencabar jika mereka perlu memulakan kehidupan sebagai pelajar sekolah asrama. Untuk murid sekolah harian biasa, perubahan akan lebih dirasai dari segi suasana dan pembelajaran yang bakal dihadapi.

Jika di sekolah rendah mereka dianggap sebagai kanak-kanak, permulaan Tingkatan Satu adalah awal remaja. Justeru memasuki Tingkatan Satu bermaksud murid perlu fokus kepada matlamat dan apa yang ingin dicapai.



Kekuatan Membentuk Karakter Generasi Islam



Peningkatan
Kemahiran
Sosial Pelajar.

Peningkatan Jati Diri
dan Kesedaran
Sosial Pelajar.



Penemuan dan
Pemantapan Jati
Diri Pelajar.





SPM
10A



SEED OF MANKIND

SIRI I



YAYASAN PENDIDIKAN MAIDAM